

TARIKH	24 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	L - 20	RUANGAN	Negara

## Galak kanak-kanak menyimpan di Tabung Haji



**Komuniti  
Kita**

Gambar dan berita yang disiarkan dalam *Komuniti Kita!* kini boleh diakses di laman web [www.kosmo.com.my](http://www.kosmo.com.my).

**MENABUNG.** Seramai 778 kanak-kanak Tadika Kemas di seluruh Parlimen Lenggong menerima buku akaun simpanan Tabung Haji pada satu majlis khas di Kompleks Komuniti Desa Kemas Lenggong, Perak baru-baru ini.

Naib Ketua UMNO Bahagian Lenggong, Datuk Shamsul Anuar Nasarah berkata, pembiayaan dan sumbangan buku akaun simpanan itu adalah sebagai usaha menggalakkan sikap menabung

dalam kalangan kanak-kanak.

Katanya, pembiayaan dan sumbangan buku akaun simpanan Tabung Haji itu adalah bagi menggalakkan mereka menabung

sejak kecil demi kegunaan masa depan mereka serta membudayakan sikap berjimat-cermat.

"Pada masa sama, kita membantu kerajaan untuk meningkatkan kesedaran menyimpan dalam Tabung Haji dan dapat memberi dorongan serta menanam minat kanak-kanak terbabit untuk

menunaikan ibadat haji pada suatu hari nanti dan bukan sudah mahu pencen baru berkemampuan," katanya.

Turut hadir pada majlis yang sama ialah Pengarah Kemas negeri Perak, Ahmad Kamal Idris Mohd. Nawawi dan Timbalan Ketua UMNO Lenggong, Datuk Tarmizi Idris.



SHAMSUL ANUAR (belakang lapan dari kiri) bersama sebahagian 778 kanak-kanak Tadika Kemas yang menerima sumbangan buku simpanan Tabung Haji di Lenggong, Perak baru-baru ini.